

Surat khabar: Utusan Malaysia (Kampus)
 Hari/Tarikh: 11/1/2016
 Muka surat: 21

Tajuk : UNIMAS Duathlon Challenge 2015

UNIMAS Duathlon Challenge 2015

UNIMAS Duathlon Challenge 2015 mendapat sambutan lebih daripada 300 peserta yang menyertai cabaran berkembar tersebut yang telah diadakan di kampus itu baru-baru ini.

Pertandingan tersebut merupakan anjuran bersama Pusat Sukan UNIMAS dan Kelab Berbasikal UNIMAS.

Acara dipertandingkan iaitu larian 5km - berbasikal 30km - larian 5km diadakan dalam lima kategori iaitu lelaki terbuka, wanita terbuka, lelaki 40 tahun dan ke atas, wanita 35 tahun dan ke atas serta kategori relay (berganti-ganti) terbuka

(dua orang setiap pasukan).

Juara bagi kategori lelaki terbuka telah dimenangi oleh Mohd Feldarus Abd. Rahman daripada Sukan Lasak 1 Divisen, tempat kedua, Mohd. Aiman Mohd. Halim (1 Divisen) manakala tempat ketiga pula, Wan Haikal Wan Zainal dari pasukan Sonamu.

Bagi juara kategori lelaki terbuka dan ke atas dimenangi oleh Ezamshah Abdul Rahman daripada Pasukan KPS We Care, tempat kedua, Haji Supian Nor dari Pasukan Corbusier dan tempat ketiga, Hamdan Udin daripada Pasukan Sibul.

Kategori Wanita Terbuka pula dimenangi oleh Nura Ngali dari Kelab Berbasikal UNIMAS, kedua, Rosnina Minggu dari Politeknik Kuching (PKS) dan ketiga, Emiline Ong Yeh Chiew dari Kuching.

Manakala tempat pertama dan kedua bagi kategori wanita terbuka dan ke atas dimenangi oleh Wendy Ng dan Franscesca Lim, kedua-duanya dari Kuching dan tempat ketiga, Jessie Yeo dari Pasukan Giant Kuching.

Juara bagi kategori relay terbuka dimenangi oleh Saravanan Kumar dan

Noel Lim Boon Hee dari Pasukan Yellow Ninjas, kedua, Mohd Alimin Mohamad dan Gary Tay dari Pasukan Rostam 1 dan ketiga, Aswari Mustafa dan Harrison Then dari Pasukan Rostam 2.

Turut disediakan hadiah untuk kategori tiga pemenang utama lelaki keseluruhan yang disandang oleh Mohd Feldarus Abd Rahman daripada Divisen Sukan Lasak 1, kedua, Mohd Aiman Mohd Alim dari Pasukan Divisen 1 dan Ezamshah Abdul Rahman dari Pasukan KPS We Care.

Kategori tiga pemenang utama wanita keseluruhan pula disandang oleh Wendy Ng dari Kuching, kedua, Nura Ngali dari Kelab Berbasikal UNIMAS dan ketiga, Rosnina Minggu dari Politeknik Kuching (PKS).

Acara pelepasan peserta telah disempurnakan oleh Timbalan Pendaftar, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, **Henry Tening Sengeng.**

Objektif utama pertandingan tersebut diadakan untuk menggalakkan penyertaan aktif dalam kalangan pelajar, kakitangan dan masyarakat luar untuk berkecimpung dalam sukan lasak, menyemai serta menggalakkan semangat kesukanan yang tinggi dan semangat berpasukan dalam kalangan peserta.

Ia juga sebagai satu usaha untuk mengeratkan silaturrahim antara peserta dan pasukan-pasukan yang bertanding dan mewujudkan suasana ceria dan selesa di dalam kampus di samping mempromosikan UNIMAS kepada masyarakat luar.



PEMENANG-PEMENANG bergambar bersama piala yang dimenangi dalam cabaran UNIMAS Duathlon Challenge 2015, baru-baru ini.